

08/02/2001

Gaji minimum pekerja ladang RM325 sebulan

Mohd Fuad Razali

KUALA LUMPUR, Rabu - Kira-kira 45,000 pekerja ladang dan kilang sawit di 450 estet di seluruh negara akan menikmati gaji minimum RM325 sebulan berkuat kuasa 1 Januari lalu.

Gaji minimum itu adalah untuk tempoh tiga tahun dan kadarnya akan dikaji semula selepas 31 Disember 2003.

Perkara itu dipersetujui Persatuan Pengeluar Pertanian Malaysia (MAPA) dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja Ladang (NUPW) setelah beberapa siri rundingan sejak lebih setahun.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn, berkata kadar minimum itu hanya membabitkan gaji bulanan, tetapi setelah diambil kira elaun kedatangan, bonus harga serta pelbagai elaun lain, pekerja terbabit dijangka menikmati pendapatan antara RM700 hingga RM800 sebulan.

Menurutnya, kejayaan yang dicapai menerusi rundingan itu mencatat sejarah kerana buat pertama kalinya konsep gaji bulanan diperkenalkan dalam sistem upah pekerja ladang.

"Konsep upah bulanan ini adalah dalam bentuk jaminan gaji bulanan minimum untuk pekerja.

"Menerusi konsep ini, setiap pekerja ladang dan kilang sawit dijamin mendapat pendapatan asas bulanan yang tetap dalam keadaan apa sekalipun, dengan syarat mereka melakukan kerja yang sudah ditetapkan," katanya.

Terdahulu, beliau menyaksikan upacara menandatangani perjanjian bersama bagi pemetik buah dan pekerja kilang sawit antara MAPA dengan NUPW di Kementerian Sumber Manusia di sini, hari ini.

Dalam perjanjian itu, MAPA diwakili Pengarahnya, Mohamad Audong manakala NUPW diwakili Setiausaha Agungnya, G Sankaran. Turut hadir, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr Abdul Latiff Ahmad.

Sebelum ini, pekerja ladang kelapa sawit serta sektor perladangan lain dibayar berdasarkan upah harian, iaitu kira-kira RM11.50 sehari.

Menerusi kaedah itu, pendapatan yang diterima tidak terjamin, terutama apabila keadaan cuaca tidak menentu.

Tuntutan terhadap gaji bulanan pekerja ladang dibangkitkan NUPW pada penghujung 1999 serta mendapat perhatian Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta kedua-dua pihak mencari jalan penyelesaian kepada isu itu.

Mac tahun lalu, Dr Fong mengarahkan kes itu dirujuk kepada Mahkamah Perindustrian apabila kedua-dua pihak gagal mencari penyelesaian dan mahkamah menetapkan kes itu didengar esok.

Walaupun tidak ada penyelesaian dibuat, kedua-dua pihak meneruskan rundingan dengan Jabatan Perhubungan Perusahaan yang bertindak sebagai orang tengah dan pada masa yang sama, kementerian meminta Fakulti Ekonomi, Universiti Malaya mengadakan kajian mengenai isu itu.

Laporannya disiapkan dan dikemukakan kepada kementerian serta MAPA dan NUPW untuk dibincangkan Disember lalu sehingga mendorong kepada persetujuan mengenai penetapan gaji bulanan itu.

Dr Fong berkata, selain gaji bulanan, setiap pekerja ladang dan kilang sawit juga akan terus menikmati bayaran upah asas yang diamalkan sekarang dengan kenaikan sebanyak 7.5 peratus mulai 1 Januari 2001 sehingga 31 Disember 2003.

Selain itu, elaun kedatangan pekerja turut dinaikkan daripada RM70 kepada RM80 sebulan bagi pemetik buah sawit dan RM32 kepada RM40 sebulan untuk pekerja kilang sawit.

Bonus yang berdasarkan harga minyak sawit semasa, juga akan terus dibayar seperti biasa, di samping kenaikan pelbagai elaun lain mengikut keadaan semasa.

Mengenai pekerja di sektor perladangan lain, terutama getah, Dr Fong berkata, penetapan gaji bulanan minimum itu akan dilakukan dalam perundingan lain.

Terdahulu, Exco MAPA yang juga Pengerusi Jawatankuasa Perundingan persatuan itu, Ho Dua Tiam, berkata persetujuan itu akan membabitkan perbelanjaan kira-kira RM210 juta untuk membayar upah pekerja di ladang dan kilang sawit dalam tempoh tiga tahun.

Beliau berharap pelaksanaan gaji bulan minimum itu dapat mengekalkan pekerja di samping meningkatkan hasil pengeluaran di ladang dan kilang sawit.

Sementara itu, Setiausaha Eksekutif NUPW, A Navamukundan ketika mengemukakan persetujuan itu berkata, pelaksanaan bayaran baru itu dapat menjamin pendapatan pekerja terutama ketika cuaca buruk.

Menurutnya, ketika ini pekerja di ladang hanya menikmati pendapatan antara RM240 hingga RM360 sebulan bergantung kepada keadaan cuaca.

"Jika pekerja tidak dapat ke ladang selama sebulan kerana hujan, bererti mereka tidak akan mendapat sumber pendapatan sama sekali pada bulan berkenaan.

"Bagaimanapun dengan pelaksanaan sistem baru ini, sekurang-kurangnya pendapatan mereka masih terjamin walaupun tidak dapat ke ladang," katanya.

(END)